

Mari bekerjasama mencegah kemasukan penyakit berjangkit ternakan

STOP

Ketika ini, penularan penyakit berjangkit ternakan seperti **African Swine Fever (ASF)** dan **penyakit kaki dan mulut** menjadi masalah utama dunia.

Mereka boleh menular daripada **produk daging atau pakaian, kasut dll.**

Jika penyakit ini masuk ke Jepun, **pembekalan stabil produk ternakan berisiko terjejas teruk.**

Oleh itu, kerjasama anda diperlukan untuk mencegah kemasukan ke dalam negara.

01 Apa itu African Swine Fever dan Penyakit Kaki dan Mulut

African Swine Fever (ASF)



Ciri-ciri

- Kadar kematian hampir 100% (dalam kes jenis teruk dan akut)
- Virus hidup di dalam persekitaran untuk jangka masa panjang (malah lebih dari **1,000** hari jika disejuk beku)
 - Boleh hidup pada pH 4 hingga 11, dalam darah dan najis dan dalam daging babi dan produk yang diproses (ham masin dll.)

Pencegahan dan Rawatan

- Tiada rawatan atau kaedah pencegahan yang berkesan. Tiada vaksin

Kerosakan

- Di Republik China, bilangan ternakan babi telah menurun sebanyak 40% disebabkan oleh kematian dan penghapusan dan harga daging babi meningkat lebih daripada dua kali ganda (kes 2019)

Penyakit kaki dan mulut (FMD)



Ciri-ciri

- Kelepuhan pada mulut dan kaki menyakitkan dan mereka akan berhenti makan, ini akan mengurangkan nilai mereka sebagai haiwan industri dengan ketara.
- Daya jangkitan virus ini teramat kuat
 - Jangkitan bawaan udara (terdapat kes jangkitan dibawa angin di ladang berjarak lebih dari **60km**)
 - Jumlah virus yang dihasilkan oleh 1 ekor babi sehari boleh menjangkiti sehingga **10 juta** ekor lembu

Pencegahan dan Rawatan

- Tiada kaedah rawatan berkesan, terdapat vaksin tetapi ia tidak boleh menghalang jangkitan itu sendiri

Kerosakan


- Sehingga kini di dalam negara, 300,000 ekor lembu dan babi telah dihapuskan dengan kerugian 235 bilion yen (Anggaran kes di Miyazaki termasuk industri berkaitan pada 2010)

***Tiada jangkitan kepada manusia** dalam mana-mana kes. Nota

Nota: Terdapat laporan yang sangat jarang berlaku di luar negara, tentang orang yang dijangkiti virus penyakit kaki dan mulut selepas bersentuhan, tetapi virus itu tidak boleh disebarkan kepada manusia dalam kehidupan harian. Sekiranya seseorang dijangkiti mereka hanya akan mengalami demam dan ulser mulut ringan yang cepat sembuh dan tiada kes kematian.

- African Swine Fever memasuki China pada 2018 dan telah **tular di banyak negara Asia**.
- Penyakit kaki dan mulut **berterusan berlaku di banyak negara**.
- **Hanya sedikit negara / kawasan yang tidak dijangkiti seperti Jepun dan Taiwan***.

*Jepun dan Taiwan pernah mengalami penyakit kaki dan mulut pada masa lalu, tetapi sejak itu telah dibersihkan.



■ Negara / kawasan ASF, FMD berlaku
 ■ Negara / kawasan hanya ASF berlaku
 ■ Negara / kawasan hanya FMD berlaku
 □ Negara / kawasan tiada kedua-dua penyakit

setakat 10 Jan 2024

Sumber: WOA, laman web setiap negara

Nota 1: "Berlaku" dalam dokumen ini, dilaporkan kepada WOA

Nota 2: Tahun jangkitan pertama adalah tahun kejadian dilaporkan kepada WOA

Nota 3: Kurungan negara / kawasan berlaku FMD sejak 2021 adalah bilangan kejadian

Tahun jangkitan pertama ASF

Nama negara / kawasan	Tahun jangkitan pertama
China	2018
Hong Kong, Mongolia, Korea Utara, Korea Selatan, Vietnam	2019
Laos, Kemboja, Filipina, Myanmar, Indonesia, Timor Timur	2020
India	2021
Malaysia, Thailand, Bhutan	2022
Nepal	2023
Singapura, Bangladesh	2023

Negara / kawasan FMD berlaku

Nama negara / kawasan	Tahun berlaku
China (2), Rusia (1), Vietnam (28)	2021
Kemboja (41), Malaysia (21), Thailand (47)	
India (105), Bhutan (24), Nepal (40)	
Mongolia (102), Sri Lanka (36)	
China (1), Kemboja (24), Thailand (108)	2022
Malaysia (28), Indonesia (tidak diketahui)	
India (103), Bhutan (3), Nepal (66)	
Mongolia (3), Sri Lanka (57)	
China (4), Korea Selatan (11), Nepal (15)	2023
Kemboja (3), Malaysia (7)	
Indonesia (tidak diketahui)	

Nota: Laporan mungkin tidak lengkap disebabkan oleh sistem pemeriksaan atau penulatan dan terdapat juga kemungkinan vaksin menyukarkan untuk melihat jangkitan, juga status jangkitan dan bilangan wabak mungkin tidak sepadan.

1 Produk makanan luar negara mengandungi daging dilarang dibawa masuk

- Haiwan akan dijangkiti jika memakan daging berjangkit
- Virus ASF hidup dijumpai di dalam produk daging yang dibawa masuk secara haram




Larangan membawa masuk

2 Jangan membuang produk makanan mengandungi daging di luar rumah

- Boleh dijangkiti daripada bekal makanan hiking atau **sis, sampah** barbeku
- Jangkitan hanya bila **babi hutan menjilat talam** yang mengandungi daging yang telah dijangkiti AFS
- Di luar negara **penularan AFS akibat babi hutan liar**, sukar dihapuskan

Larangan meninggalkan di luar rumah



3 Dalam 1 minggu sebaik pulang ke negara jangan mendekati haiwan

- Jangkitan juga datang daripada **pakaian atau kasut yang membawa virus**



Nota

Zoo

Ladang
Lawatan